



7 Disember 2021
7 December 2021
P.U. (A) 443

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERGIGIAN 2021

DENTAL REGULATIONS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERGIGIAN 2018
PERATURAN-PERATURAN PERGIGIAN 2021

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II
MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

2. Pegawai pengurus
3. Notis dan permintaan bagi penamaan
4. Kertas penamaan
5. Penolakan kertas penamaan
6. Penyiaran nama calon
7. Bantahan
8. Penolakan bantahan
9. Pemilihan yang tidak dipertandingkan
10. Pengeluaran kertas undi, sampul A dan sampul B
11. Permintaan bagi kertas undi dan sampul baharu
12. Cara pengundian
13. Pemeriksaan sampul
14. Pembukaan sampul
15. Pengiraan undi
16. Penentuan keputusan
17. Alasan bagi menolak kertas undi
18. Penyiaran keputusan pemilihan
19. Penyiasatan aduan

Peraturan

20. Penyimpanan sampul dan kertas undi
21. Ketaksahan pemilihan

BAHAGIAN III

DAFTAR DAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN PROFESIONAL

22. Daftar Pergigian
23. Daftar Juruterapi Pergigian
24. Daftar Bersyarat
25. Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian
26. Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian
27. Perubahan dalam Daftar
28. Kelayakan anggota Jawatankuasa Kelayakan Pergigian
29. Keanggotaan Jawatankuasa Kelayakan Pergigian
30. Permohonan untuk menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional
31. Peperiksaan Kelayakan Profesional
32. Perakuan Lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENILAIAN PAKAR PERGIGIAN

33. Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian
34. Fungsi Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN DOKTOR PERGIGIAN, JURUTERAPI PERGIGIAN, PAKAR PERGIGIAN DAN JURUTERAPI PERGIGIAN PASCAASAS

35. Permohonan untuk pendaftaran sebagai doktor pergigian
36. Perakuan pendaftaran doktor pergigian
37. Permohonan untuk pendaftaran sebagai juruterapi pergigian
38. Perakuan pendaftaran juruterapi pergigian
39. Permohonan untuk pendaftaran sebagai pakar pergigian

Peraturan

40. Perakuan pendaftaran pakar pergigian
41. Permohonan untuk pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas
42. Perakuan pendaftaran juruterapi pergigian pascaasas
43. Permohonan untuk pendaftaran bersyarat
44. Perakuan pendaftaran bersyarat
45. Permohonan untuk perakuan pengamalan tahunan
46. Perakuan pengamalan tahunan
47. Laporan pemeriksaan premis dentis
48. Permohonan untuk perakuan pengamalan sementara
49. Perakuan pengamalan sementara

BAHAGIAN VI

PROSIDING TATATERTIB DI BAWAH MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

50. Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan
51. Larangan daripada menghadiri siasatan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan
52. Siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan
53. Prosiding siasatan
54. Dapatan siasatan
55. Siasatan tatatertib oleh Majlis
56. Keputusan siasatan
57. Perintah kos oleh Majlis
58. Larangan daripada menghadiri siasatan Majlis

BAHAGIAN VII

PROSIDING TATATERTIB DI BAWAH LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

59. Jawatankuasa Tatatertib
60. Larangan daripada menghadiri siasatan Jawatankuasa Tatatertib
61. Siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib
62. Prosiding siasatan
63. Dapatan siasatan

Peraturan

64. Siasatan tatatertib oleh Lembaga
65. Keputusan siasatan
66. Perintah kos oleh Lembaga
67. Larangan daripada menghadiri siasatan Lembaga

BAHAGIAN VIII
PELBAGAI

68. Tempoh khidmat wajib
69. Pembatalan

JADUAL PERTAMA
JADUAL KEDUA

AKTA PERGIGIAN 2018

PERATURAN-PERATURAN PERGIGIAN 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 92 Akta Pergigian 2018 [Akta 804], Majlis, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pergigian 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

BAHAGIAN II

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

Pegawai pengurus

2. (1) Yang Dipertua hendaklah menjadi pegawai pengurus bagi maksud pemilihan mana-mana anggota Majlis.

(2) Jika pegawai pengurus itu tidak dapat menjalankan apa-apa tugas dalam Bahagian ini atas apa-apa sebab, pegawai pengurus itu boleh menetapkan mana-mana pegawai pergigian Kementerian Kesihatan untuk bertindak bagi pihaknya.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, "pegawai pengurus" termasuklah pegawai pergigian yang ditetapkan di bawah subperaturan (2).

Notis dan permintaan bagi penamaan

3. (1) Bagi maksud perenggan 6(1)(*e*), (*f*), (*g*) dan (*h*) Akta, pegawai pengurus hendaklah menyiarkan suatu notis berhubung dengan penamaan calon anggota Majlis dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dan mengikut apa-apa tempoh masa yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Jika berlaku suatu kekosongan dalam jawatan anggota Majlis disebabkan oleh hilang kelayakan, pegawai pengurus hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh kekosongan jawatan itu, menyiarkan suatu notis berhubung dengan penamaan calon anggota Majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Pegawai pengurus hendaklah, dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh kekosongan dalam jawatan anggota Majlis disebabkan oleh tamat tempoh keanggotaan, menyiarkan suatu notis berhubung dengan penamaan calon anggota Majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(4) Notis yang disebut dalam subperaturan (1), (2) dan (3) hendaklah—

(*a*) menyatakan jawatan yang kosong atau akan kosong itu;

(*b*) meminta penamaan calon bagi jawatan itu; dan

(*c*) menyatakan masa dan tarikh tutup penamaan calon.

Kertas penamaan

4. (1) Mana-mana doktor pergigian boleh menamakan dirinya sendiri atau doktor pergigian lain bagi pemilihan calon sebagai anggota Majlis di bawah perenggan 6(1)(*e*) hingga (*h*) Akta.

(2) Apa-apa penamaan calon sebagai anggota Majlis hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang 1 Jadual Pertama kepada pegawai pengurus dalam tempoh masa sebagaimana yang dinyatakan dalam notis di bawah peraturan 3.

(3) Jika penamaan calon dikemukakan kepada pegawai pengurus tidak mengikut tempoh masa yang dinyatakan dalam notis di bawah peraturan 3, pegawai pengurus hendaklah menolak penamaan calon itu.

Penolakan kertas penamaan

5. Pegawai pengurus hendaklah menolak kertas penamaan oleh mana-mana calon atas alasan yang berikut:

- (a) calon itu hilang kelayakan di bawah subseksyen 6(2) Akta;
- (b) pencadang calon itu hilang kelayakan di bawah subseksyen 6(3) Akta; atau
- (c) calon itu hilang kelayakan di bawah subseksyen 8(1), (2) atau (3) Akta.

Penyiaran nama calon

6. Pegawai pengurus hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tutup penamaan calon, menyiarkan suatu senarai calon melalui suatu notis dalam Borang 2 Jadual Pertama mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pengurus itu.

Bantahan

7. (1) Apa-apa bantahan terhadap mana-mana calon hendaklah dikemukakan kepada pegawai pengurus pada tarikh dan masa sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Pertama.

- (2) Bantahan itu hendaklah mengandungi—
 - (a) alasan bantahan dan fakta yang menyokong alasan bantahan itu;
 - (b) sumber pengetahuan, sama ada daripada pengetahuannya sendiri atau pihak ketiga; dan
 - (c) dokumen yang menyokong bantahan itu.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a), alasan bantahan adalah seperti yang berikut:

- (a) calon itu hilang kelayakan di bawah subseksyen 8(1) Akta;
- (b) calon itu tidak memenuhi mana-mana kriteria yang disenaraikan di bawah subseksyen 6(2) Akta;
- (c) pencadang calon itu tidak memenuhi mana-mana kriteria yang disenaraikan di bawah subseksyen 6(3) Akta; atau
- (d) penyokong calon itu tidak memegang suatu perakuan pengamalan tahunan yang sah.

(4) Bagi maksud perenggan (2)(b), jika pengetahuan itu diperoleh daripada pihak ketiga, bantahan itu hendaklah mengandungi nama, alamat dan pekerjaan pihak ketiga itu.

(5) Selepas menerima bantahan di bawah subperaturan (2), pegawai pengurus hendaklah mengemukakan kepada calon itu—

- (a) suatu salinan bantahan itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaan bantahan itu; dan
- (b) suatu notis yang menghendaki calon itu untuk, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penyampaian dokumen di bawah perenggan (a), menunjukkan sebab namanya tidak boleh dipotong daripada senarai calon.

(6) Jika pegawai pengurus berpuas hati bahawa bantahan itu benar, pegawai pengurus itu hendaklah memotong nama calon itu daripada senarai calon.

Penolakan bantahan

8. Jika bantahan itu dikemukakan kepada pegawai pengurus selepas tamat tempoh bantahan yang dinyatakan dalam notis di bawah peraturan 7, pegawai pengurus itu hendaklah menolak bantahan itu.

Pemilihan yang tidak dipertandingkan

9. Jika bilangan calon yang dinamakan itu sama atau kurang daripada bilangan jawatan kosong, calon yang dinamakan itu hendaklah dianggap telah dipilih.

Pengeluaran kertas undi, sampul A dan sampul B

10. Selepas proses bantahan selesai, pegawai pengurus hendaklah menghantar, mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, kepada mana-mana doktor pergigian yang layak untuk mengundi tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tamat tempoh pengundian—

- (a) kertas undi dalam Borang 3 Jadual Pertama;
- (b) sampul A dalam Borang 4 Jadual Pertama; dan
- (c) sampul B dalam Borang 5 Jadual Pertama.

Permintaan bagi kertas undi dan sampul baharu

11. (1) Jika mana-mana doktor pergigian tidak menerima kertas undi dan sampul atau telah menerima kertas undi dan sampul yang rosak, doktor pergigian itu boleh memohon kepada pegawai pengurus untuk dikeluarkan suatu kertas undi dan sampul baharu dengan mengemukakan suatu akuan berkanun mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pengurus itu.

(2) Apabila menerima akuan berkanun di bawah subperaturan (1), pegawai pengurus hendaklah mengeluarkan kertas undi dan sampul baharu dan merekodkan pengeluaran itu.

Cara pengundian

12. (1) Pengundian calon hendaklah dibuat mengikut bilangan kekosongan jawatan sebelum tamat tempoh pengundian sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 3 Jadual Pertama.

(2) Selepas pengundian dibuat, kertas undi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul A dan sampul A itu hendaklah dilekatkan.

(3) Selepas sampul A dilekatkan, doktor pergigian hendaklah menandatangani sampul A itu di hadapan seorang saksi yang hendaklah merupakan seorang doktor pergigian yang lain, seorang pengamal perubatan, seorang Jaksa Pendamai, seorang pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional perkhidmatan awam, atau seorang peguam bela dan peguam cara.

(4) Saksi yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah turut menandatangani sampul A itu.

(5) Doktor pergigian itu hendaklah memasukkan sampul A yang telah ditandatangani ke dalam sampul B dan melekatkan sampul B itu.

(6) Sampul B yang telah dilekatkan hendaklah dihantar kepada pegawai pengurus sebelum tamat tempoh pengundian mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pengurus itu.

(7) Apabila menerima sampul B itu, pegawai pengurus hendaklah mengendorskan tarikh dan masa penerimaan pada sampul B itu.

Pemeriksaan sampul

13. (1) Pegawai pengurus hendaklah, sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum tarikh pembukaan sampul B, memaklumkan tiap-tiap calon masa, tarikh dan tempat untuk membuka sampul B itu.

(2) Mana-mana calon atau penamanya yang telah diberi kuasa secara bertulis boleh hadir semasa pembukaan sampul B.

(3) Pegawai pengurus itu hendaklah mengira dan memeriksa sampul B yang telah diterima itu bagi maksud pengiraan undi dan hendaklah menolak sampul B itu jika—

- (a) sampul B itu tidak mengikut mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (b) sampul B itu tidak dilekatkan;
- (c) sampul B itu diterima selepas tamat tempoh pengundian; atau
- (d) sampul B itu mengandungi lebih daripada satu sampul A.

Pembukaan sampul

14. (1) Pegawai pengurus hendaklah membuka sampul B yang telah dikira dan diperiksa di bawah subperaturan 13(3).

(2) Pegawai pengurus hendaklah, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan calon atau penamanya, menolak mana-mana sampul A tanpa membukanya jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) sampul A itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (b) sampul A itu tidak dilekatkan;
- (c) sampul A itu tidak ditandatangani oleh doktor pergigian atau saksi; atau
- (d) sampul A itu mengandungi lebih daripada satu kertas undi.

(3) Sampul A dan sampul B yang ditolak hendaklah diletakkan ke dalam suatu bungkus yang berasingan dan dilekatkan.

Pengiraan undi

15. (1) Sampul A yang tidak ditolak hendaklah dibuka dan diletakkan ke dalam suatu bungkus yang berasingan.

(2) Pegawai pengurus hendaklah meneruskan pengiraan dan, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan calon atau penamanya, hendaklah menolak suatu kertas undi jika dia berpuas hati bahawa kertas undi itu tidak mengikut mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(3) Kertas undi yang ditolak itu hendaklah disimpan dan dimasukkan ke dalam suatu bungkus yang berasingan.

Penentuan keputusan

16. Jika bilangan undi antara mana-mana calon sama banyak, pegawai pengurus hendaklah mengadakan suatu undi pemutus antara calon-calon dengan kehadiran calon itu atau penamanya.

Alasan bagi menolak kertas undi

17. Pegawai pengurus hendaklah menolak kertas undi atas alasan yang berikut:

(a) kertas undi itu bukan kertas undi yang dikeluarkan oleh pegawai pengurus;

(b) undi melebihi bilangan calon yang dinamakan;

(c) kertas undi tidak menunjukkan dengan jelas niat pengundi itu;

(d) kertas undi dikeluarkan kepada dan diisi oleh doktor pergigian yang tidak mempunyai perakuan amalan tahunan; atau

- (e) kertas undi tidak mengikut mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Penyiaran keputusan pemilihan

18. Pegawai pengurus hendaklah menyiarkan nama calon yang terpilih melalui notis dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pengurus itu.

Penyiasatan aduan

19. Majlis boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan mana-mana doktor pergigian, menyiasat apa-apa aduan perjalanan pemilihan calon dan mengambil tindakan, termasuk mengisytiharkan pemilihan calon itu sebagai tidak sah dengan syarat aduan itu dibuat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyiaran notis keputusan undi itu.

Penyimpanan sampul dan kertas undi

20. (1) Sampul A, sampul B dan kertas undi yang telah dibuka hendaklah disimpan dan diletakkan ke dalam suatu bungkusan yang berasingan dan bungkusan itu hendaklah dilekatkan.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh pegawai pengurus, Majlis hendaklah menyimpan bungkusan yang dilekatkan yang mengandungi sampul A, sampul B dan kertas undi bagi tempoh—

(a) enam puluh hari jika tiada aduan dibuat; atau

(b) enam puluh hari selepas suatu keputusan dibuat oleh Majlis mengenai apa-apa aduan.

(3) Sampul A, sampul B dan kertas undi yang disimpan itu hendaklah dimusnahkan selepas tamat tempoh yang dinyatakan di bawah subperaturan (2).

(4) Walau apa pun subperaturan (2), Yang Dipertua boleh mengarahkan bungkusan yang dilekatkan itu disimpan bagi tempoh yang lebih panjang.

Ketaksahan pemilihan

21. Tiada pemilihan menjadi tidak sah jika kertas undi tidak diterima oleh doktor pergigian.

BAHAGIAN III

DAFTAR DAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN PROFESIONAL

Daftar Pergigian

22. (1) Bahagian I hendaklah dalam Borang 6 Jadual Pertama.

(2) Bahagian II hendaklah dalam Borang 7 Jadual Pertama.

(3) Bahagian Pakar Daftar Pergigian hendaklah dalam Borang 8 Jadual Pertama.

Daftar Juruterapi Pergigian

23. (1) Bahagian A Daftar Juruterapi Pergigian hendaklah dalam Borang 9 Jadual Pertama.

(2) Bahagian B Daftar Juruterapi Pergigian hendaklah dalam Borang 10 Jadual Pertama.

Daftar Bersyarat

24. Daftar Bersyarat hendaklah dalam Borang 11 Jadual Pertama.

Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian

25. Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Pergigian hendaklah dalam Borang 12 Jadual Pertama.

Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian

26. Daftar Perakuan Pengamalan Sementara Juruterapi Pergigian hendaklah dalam Borang 13 Jadual Pertama.

Perubahan dalam Daftar

27. (1) Mana-mana pengamal yang berhasrat untuk mengubah Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian yang berhubungan dengan nama, alamat atau kelayakannya di bawah seksyen 26 Akta hendaklah membuat suatu permohonan kepada Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika permohonan itu dibuat berhubung dengan perubahan kelayakannya, pengamal itu hendaklah membayar fi perubahan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Sebelum mengubah Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian itu, Majlis atau Lembaga boleh menghendaki pengamal itu untuk mengemukakan bukti pembayaran fi perubahan dengan—

- (a) suatu salinan diakui sah kelayakan lain yang diberikan kepadanya; atau
- (b) apa-apa dokumen atau pernyataan lain yang menyokong permohonannya.

Kelayakan anggota Jawatankuasa Kelayakan Pergigian

28. Mana-mana doktor pergigian layak untuk dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Kelayakan Pergigian jika dia—

- (a) ialah warganegara Malaysia;
- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) memegang suatu perakuan pengamalan tahunan yang sah; dan
- (d) telah berdaftar dengan Majlis dan menjalankan amalan di Malaysia tidak kurang daripada tujuh tahun.

Keanggotaan Jawatankuasa Kelayakan Pergigian

29. (1) Jawatankuasa Kelayakan Pergigian hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengarah Kanan sebagai pengerusi;
- (b) Pengarah Program Kesihatan Pergigian sebagai timbalan pengerusi;
- (c) seorang wakil Majlis yang dilantik oleh Yang Dipertua; dan
- (d) empat doktor pergigian dalam kalangan kakitangan akademik fakulti pergigian institusi latihan tempatan yang diakreditasi dan dilantik oleh Yang Dipertua, dua daripadanya hendaklah daripada sektor awam dan dua daripadanya hendaklah daripada sektor swasta.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(d) hendaklah dilantik bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan anggota yang dilantik sedemikian adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pada masa ketiadaan pengerusi pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kelayakan Pergigian, atas apa-apa sebab, timbalan pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Pada masa ketiadaan pengerusi dan timbalan pengerusi pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Kelayakan Pergigian, atas apa-apa sebab, seorang anggota hendaklah dilantik oleh anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Kelayakan Pergigian.

Permohonan untuk menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional

30. (1) Suatu permohonan untuk menduduki Peperiksaan Kelayakan Profesional hendaklah dibuat mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar Pergigian.

(2) Apabila menerima permohonan yang lengkap di bawah subperaturan (1), Pendaftar Pergigian hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Jawatankuasa Kelayakan Pergigian.

(3) Jawatankuasa Kelayakan Pergigian hendaklah menilai dan meluluskan permohonan yang layak dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap itu.

(4) Setelah Jawatankuasa Kelayakan Pergigian meluluskan permohonan yang layak di bawah subperaturan (3), Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu notis memaklumkan keputusan permohonan itu.

Peperiksaan Kelayakan Profesional

31. (1) Jawatankuasa Kelayakan Pergigian hendaklah, bagi maksud perenggan 29(2)(c) Akta, mengadakan Peperiksaan Kelayakan Profesional yang mengandungi bahagian-bahagian yang berikut:

- (a) Bahagian I yang hendaklah berkenaan dengan peperiksaan teori;
- (b) Bahagian II yang hendaklah berkenaan dengan peperiksaan pra-klinikal; dan
- (c) Bahagian III yang hendaklah berkenaan dengan peperiksaan klinikal.

(2) Bahagian I dan Bahagian II Peperiksaan Kelayakan Profesional hendaklah diadakan tidak lebih daripada empat kali setahun dan Bahagian III Peperiksaan

Kelayakan Profesional hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun, melainkan jika tiada calon.

(3) Fi setiap peperiksaan bagi setiap bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional di bawah subperaturan (1) hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(4) Seorang calon hendaklah lulus semua bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dalam tempoh tiga tahun dari tarikh menduduki Bahagian I Peperiksaan Kelayakan Profesional.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (4), calon itu adalah layak untuk mendaftar di bawah perenggan 31(1)(a) Akta atau memohon perakuan amalan sementara di bawah subseksyen 40(1) Akta.

Perakuan Lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional

32. Jawatankuasa Kelayakan Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu Perakuan Lulus Peperiksaan Kelayakan Profesional dalam Borang 14 Jadual Pertama kepada mana-mana calon yang lulus mana-mana bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional.

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENILAIAN PAKAR PERGIGIAN

Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian

33. (1) Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Yang Dipertua seperti yang berikut:

- (a) seorang Pengarah Program Kesihatan Pergigian sebagai pengerusi;
- (b) empat orang pakar pergigian yang bekerja di institusi latihan tempatan yang diakreditasi sebagaimana yang disyorkan oleh Majlis Dekan-Dekan Fakulti Pergigian Malaysia;

- (c) tiga orang pakar pergigian sebagaimana yang disyorkan oleh Pendaftar; dan
- (d) tiga orang pakar pergigian yang bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia sebagaimana yang disyorkan oleh Pendaftar.

(2) Anggota Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian tidak boleh menjadi seorang anggota Majlis.

(3) Anggota Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah dilantik bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan anggota yang dilantik sedemikian adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Pada masa ketiadaan pengerusi pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian, atas apa-apa sebab, seorang anggota Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah dilantik oleh anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Kuorum untuk mesyuarat ialah enam orang.

(6) Pengerusi boleh menjemput mana-mana orang untuk menasihati anggota mengenai apa-apa perkara yang difikirkan patut oleh pengerusi.

(7) Setiausaha Majlis hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian.

(8) Dalam hal anggota yang pertama sekali dilantik ke dalam Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian yang disebutkan dalam subperaturan (1), tiap-tiap ahli itu hendaklah, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian itu mula ditubuhkan, didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini yang berkaitan sebagai Pakar Pergigian dan Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian itu hendaklah disifatkan ditubuhkan dengan sewajarnya dan sepatutnya

walaupun anggota yang pertama sekali dilantik itu bukan pakar pergigian apabila mereka mula-mulanya dilantik ke dalam Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian itu.

Fungsi Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian

34. Jawatankuasa Penilaian Pakar Pergigian hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menentukan standard kemahiran yang diperlukan daripada doktor pergigian untuk diiktiraf sebagai seorang pakar;
- (b) untuk membentuk garis panduan mengenai standard amalan bagi setiap kepakaran dan mengesyorkan garis panduan itu kepada Majlis;
- (c) untuk mengesyorkan kepada Majlis kepakaran untuk diiktiraf di bawah Akta;
- (d) untuk mengesyorkan kepada Majlis kriteria bagi pendaftaran bagi setiap kepakaran;
- (e) untuk mengesyorkan kelayakan pascasiswazah bagi pengiktirafan oleh Majlis bagi pendaftaran pakar;
- (f) untuk mengesyorkan kepada Pendaftar Pergigian mana-mana doktor pergigian yang layak untuk didaftarkan dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian; dan
- (g) untuk mengesyorkan kepada Pendaftar Pergigian mana-mana pemegang perakuan pengamalan sementara yang layak untuk mengamal sebagai pakar.

BAHAGIAN V

PENDAFTARAN DOKTOR PERGIGIAN, JURUTERAPI PERGIGIAN, PAKAR PERGIGIAN
DAN JURUTERAPI PERGIGIAN PASCAASAS**Permohonan untuk pendaftaran sebagai doktor pergigian**

35. Mana-mana orang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang doktor pergigian hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Pergigian dalam Borang 15 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pendaftaran doktor pergigian

36. Jika Pendaftar Pergigian itu berpuas hati bahawa pemohon itu layak untuk didaftarkan sebagai seorang doktor pergigian, Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai doktor pergigian dalam Borang 16 Jadual Pertama.

Permohonan untuk pendaftaran sebagai juruterapi pergigian

37. Mana-mana orang yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang juruterapi pergigian hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian dalam Borang 17 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pendaftaran juruterapi pergigian

38. Jika Pendaftar Juruterapi Pergigian itu berpuas hati bahawa pemohon itu layak untuk didaftarkan sebagai seorang juruterapi pergigian, Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian dalam Borang 18 Jadual Pertama.

Permohonan untuk pendaftaran sebagai pakar pergigian

39. Mana-mana doktor pergigian yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang pakar pergigian di bawah seksyen 34 Akta hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Pergigian dalam Borang 19 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pendaftaran pakar pergigian

40. Jika Pendaftar Pergigian meluluskan permohonan di bawah peraturan 39, Pendaftar Pergigian itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai pakar pergigian dalam Borang 20 Jadual Pertama.

Permohonan untuk pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas

41. Mana-mana juruterapi pergigian yang berhasrat untuk didaftarkan sebagai seorang juruterapi pergigian pascaasas di bawah seksyen 35 Akta hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian dalam Borang 21 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pendaftaran juruterapi pergigian pascaasas

42. Jika Pendaftar Juruterapi Pergigian meluluskan permohonan di bawah peraturan 41, Pendaftar Juruterapi Pergigian itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas dalam Borang 22 Jadual Pertama.

Permohonan untuk pendaftaran bersyarat

43. Mana-mana orang boleh memohon untuk suatu pendaftaran bersyarat di bawah seksyen 36 Akta kepada Pendaftar Pergigian dalam Borang 23 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pendaftaran bersyarat

44. Jika Pendaftar Pergigian meluluskan permohonan di bawah peraturan 43, Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran bersyarat dalam Borang 24 Jadual Pertama.

Permohonan untuk perakuan pengamalan tahunan

45. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan amalan pergigian sebagai seorang pengamal pergigian hendaklah membuat suatu permohonan kepada

Pendaftar Pergigian dalam Borang 25 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menjalankan amalan pergigian sebagai seorang juruterapi pergigian hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Juruterapi Pergigian dalam Borang 26 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

Perakuan pengamalan tahunan

46. (1) Pendaftar Pergigian yang telah meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan 45(1) hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan tahunan pengamal pergigian dalam Borang 27 Jadual Pertama atau suatu perakuan pengamalan tahunan pakar pergigian dalam Borang 28 Jadual Pertama.

(2) Pendaftar Juruterapi Pergigian yang telah meluluskan permohonan yang dibuat bawah subperaturan 45(2) hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan tahunan juruterapi pergigian dalam Borang 29 Jadual Pertama atau suatu perakuan pengamalan tahunan juruterapi pergigian pascaasas dalam Borang 30 Jadual Pertama.

Laporan pemeriksaan premis dentis

47. Suatu laporan bagi maksud subseksyen 38(5) Akta hendaklah dibuat dalam Borang 31 Jadual Pertama.

Permohonan untuk perakuan pengamalan sementara

48. (1) Mana-mana orang yang bukan warganegara Malaysia tetapi berhasrat untuk menjalankan amalan pergigian di Malaysia sebagai seorang doktor pergigian, pakar pergigian atau juruterapi pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat suatu permohonan kepada Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian masing-masing dalam Borang 32 Jadual Pertama dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

(2) Mana-mana permohonan untuk perakuan pengamalan sementara bagi tempoh kurang daripada tiga bulan hendaklah dikecualikan daripada mengemukakan keterangan mata pembangunan profesional berterusan.

(3) Pendaftar Pergigian atau Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah memaklumkan kepada pemohon apabila permohonannya diluluskan dan perakuan pengamalan sementara itu hendaklah dikeluarkan selepas pemohon itu mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

- (a) keterangan mengenai Perlindungan Tanggung Rugi Profesional; dan
- (b) salinan diakui sah kontrak, perjanjian atau surat lantikan daripada majikan atau penaja.

Perakuan pengamalan sementara

49. (1) Pendaftar Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara sebagai seorang doktor pergigian dalam Borang 33 Jadual Pertama atau suatu perakuan pengamalan sementara sebagai seorang pakar pergigian dalam Borang 34 Jadual Pertama.

(2) Pendaftar Juruterapi Pergigian hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara sebagai seorang juruterapi pergigian dalam Borang 35 Jadual Pertama.

BAHAGIAN VI

PROSIDING TATATERTIB DI BAWAH MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

50. (1) Yang Dipertua hendaklah melantik seorang doktor pergigian daripada kalangan anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menjadi pengerusi.

(2) Pelantikan anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah bagi tempoh tiga tahun, dan anggota yang dilantik sedemikian adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Yang Dipertua boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan atau menyingkirkan mana-mana anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau mengisi kekosongan dalam keanggotaan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

(4) Mana-mana anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh meletak jawatannya sebagai anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dengan memberi notis bertulis kepada Yang Dipertua.

(5) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua siasatan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

(6) Jika Pengerusi tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan yang merupakan seorang doktor pergigian dan hadir semasa siasatan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menjadi pengerusi.

(7) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah membuat apa-apa keputusan berdasarkan undi majoriti dan membuat syor kepada Majlis.

(8) Dalam keadaan bilangan undi yang sama, pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Larangan daripada menghadiri siasatan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

51. (1) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dilarang daripada menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan jika—

(a) dia seorang pengadu atau pemberi maklumat;

(b) dia secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang berkaitan;

- (c) dia telah hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan bagi maksud membuat apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan perkara yang sedang disiasat;
- (d) dia berkaitan, sama ada secara profesional atau secara peribadi, dengan pengadu, pengamal atau mana-mana orang yang hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau
- (e) dia mempunyai apa-apa penyiasatan terhadapnya yang belum selesai.

(2) Anggota Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan tidak dibenarkan untuk menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan seterusnya jika anggota itu tidak hadir dalam siasatan terdahulu.

Siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan

52. (1) Apabila menerima suatu arahan daripada Yang Dipertua untuk menyiasat suatu aduan atau maklumat, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh meminta pengadu, pemberi maklumat atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan dokumen yang berikut:

- (a) dokumen berkaitan yang berhubungan dengan aduan atau maklumat itu; atau
- (b) suatu akuan berkanun, dokumen atau apa-apa keterangan untuk menyokong aduan atau maklumat itu.

(2) Bagi maksud siasatan, jika dokumen yang diminta di bawah subperaturan (1)—

- (a) tidak diterima dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan menurut subperaturan (1), Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh memutuskan untuk tidak mengambil tindakan lanjut; atau
- (b) diterima dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan menurut subperaturan (1), Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah memaklumkan dan mengemukakan suatu salinan aduan atau maklumat itu, termasuk apa-apa dokumen yang diterima oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan kepada pengamal itu.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh meminta pengamal itu untuk mengemukakan suatu penjelasan, kad rawatan dan rekod lain yang berkaitan dengan aduan atau maklumat yang diterima itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah perenggan (2)(b).

(4) Jika dokumen yang dikemukakan di bawah subperaturan (3) tidak mencukupi, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh meminta pengamal itu untuk mengemukakan penjelasan, dokumen atau rekod lanjut dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan permintaan itu.

Prosiding siasatan

53. (1) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh melalui perintah bertulis, menghendaki kehadiran pengadu, pengamal dan mana-mana orang, dengan atau tanpa peguam bela dan peguam cara, di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan pada tarikh, masa dan tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Semasa suatu siasatan, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan boleh memeriksa pengadu atau mana-mana orang yang menyokong dakwaan itu, yang juga boleh diperiksa balas oleh pengamal itu atau peguam bela dan peguam caranya dan, jika perlu, diperiksa semula oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

(3) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah merekodkan pernyataan yang dibuat oleh pengadu itu dan mana-mana orang lain yang diperiksa.

Dapatan siasatan

54. (1) Pada akhir siasatan itu, jika Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan—

(a) mendapati bahawa maklumat tidak mencukupi atau tiada alasan untuk menyokong pengataan itu, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah mengesyorkan Majlis supaya tidak mengambil tindakan lanjut; atau

(b) mendapati bahawa maklumat itu mencukupi atau terdapat alasan untuk menyokong pengataan itu, atau maklumat yang diterima semasa siasatan berkaitan dengan mana-mana salah laku profesional lain, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan itu hendaklah merangka suatu pertuduhan terhadap pengamal itu.

(2) Bagi maksud perenggan 1(b), Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah—

(a) mengemukakan pertuduhan itu kepada pengamal sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh pendengaran berikutnya di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan; dan

(b) memaklumkan pengamal itu bahawa dia boleh membuat pembelaan terhadap pertuduhan terhadapnya.

(3) Pengamal itu boleh, sebelum tarikh pendengaran itu, memaklumi Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan secara bertulis bahawa pengamal itu tidak berhasrat untuk membuat pembelaan.

(4) Apabila menerima maklumat bertulis di bawah subperaturan (3) itu, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah mengesyorkan kepada Majlis untuk mengadakan suatu siasatan.

(5) Jika pengamal itu berhasrat untuk membuat suatu pembelaan, Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah mengesyorkan kepada Majlis bahawa—

(a) suatu siasatan hendaklah diadakan oleh Majlis jika terdapat alasan untuk menyokong pertuduhan itu; atau

(b) tiada tindakan lanjut perlu diambil jika tiada alasan untuk menyokong pertuduhan itu.

(6) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan hendaklah mengemukakan suatu laporan siasatan permulaan dan syornya kepada Majlis dalam tempoh enam puluh hari selepas selesai siasatan itu.

Siasatan tatatertib oleh Majlis

55. (1) Majlis boleh, atas syor Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, mengadakan suatu siasatan tatatertib terhadap pengamal atau memutuskan untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(2) Kuorum Majlis ialah sembilan orang.

(3) Majlis boleh, selepas mempertimbangkan rekod siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan, merangka pertuduhan terhadap pengamal itu.

(4) Majlis hendaklah menyerahkan suatu perintah yang mengandungi tarikh, masa dan tempat siasatan itu dan suatu salinan pertuduhan itu kepada pengamal itu.

(5) Majlis hendaklah memanggil dan merekod apa-apa pernyataan yang diberikan oleh pengamal itu.

(6) Majlis boleh memanggil mana-mana orang lain yang difikirkan perlu oleh Majlis untuk membantu dalam siasatan itu.

Keputusan siasatan

56. (1) Pada akhir siasatan, jika Majlis mendapati bahawa tiada kes terhadap pengamal itu, Majlis hendaklah menggugurkan pertuduhan itu.

(2) Majlis hendaklah memaklumkan keputusan, hukuman dan alasan keputusan kepada pengamal itu.

Perintah kos oleh Majlis

57. (1) Bagi maksud subseksyen 58(3) Akta, Majlis boleh membuat suatu perintah bagi pembayaran kos jika—

(a) pengadu menarik balik aduan selepas permulaan siasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan; atau

(b) pengadu atau pengamal itu melengahkan prosiding.

(2) Kos yang disebut dalam subperaturan (1) boleh termasuk—

(a) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana pengamal undang-undang yang dilantik oleh Majlis bagi prosiding Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;

(b) apa-apa perbelanjaan yang munasabah mana-mana saksi, dalam keadaan yang pendengaran itu ditangguhkan; dan

(c) apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang mungkin ditanggung semasa perjalanan prosiding Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan.

Larangan daripada menghadiri siasatan Majlis

58. (1) Anggota Majlis dilarang daripada menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan jika—

- (a) dia seorang pengadu atau pemberi maklumat;
- (b) dia secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang berkaitan;
- (c) dia telah hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Majlis bagi maksud membuat apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan perkara yang sedang disiasat;
- (d) dia berkaitan, sama ada secara profesional atau secara peribadi, dengan pengadu, pengamal atau mana-mana orang yang hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan atau Majlis bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau
- (e) dia mempunyai apa-apa penyiasatan terhadapnya yang belum selesai.

(2) Anggota Majlis tidak dibenarkan untuk menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan seterusnya jika anggota itu tidak hadir dalam siasatan terdahulu.

BAHAGIAN VII

PROSIDING TATATERTIB DI BAWAH LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

Jawatankuasa Tatatertib

59. (1) Yang Dipertua hendaklah melantik seorang pengamal dalam kalangan anggota Jawatankuasa Tatatertib untuk menjadi pengerusi Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Pelantikan anggota Jawatankuasa Tatatertib hendaklah bagi tempoh tiga tahun dan anggota yang dilantik sedemikian adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Yang Dipertua boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan atau menyingkirkan mana-mana anggota Jawatankuasa Tatatertib atau mengisi kekosongan dalam keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib.

(4) Mana-mana anggota Jawatankuasa Tatatertib boleh meletak jawatannya dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Yang Dipertua.

(5) Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mempengerusikan semua siasatan Jawatankuasa Tatatertib.

(6) Jika pengerusi tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah melantik seorang dalam kalangan anggota Jawatankuasa Tatatertib yang merupakan seorang pengamal dan hadir semasa siasatan Jawatankuasa Tatatertib itu untuk menjadi pengerusi.

(7) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat apa-apa keputusan berdasarkan undi majoriti dan membuat syor kepada Lembaga.

(8) Dalam keadaan bilangan undi yang sama, pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Larangan daripada menghadiri siasatan Jawatankuasa Tatatertib

60. (1) Anggota Jawatankuasa Tatatertib dilarang untuk hadir atau mengambil bahagian dalam siasatan jika—

- (a) dia seorang pengadu atau pemberi maklumat;
- (b) dia secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang berkaitan;
- (c) dia telah hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan perkara yang sedang disiasat;

- (d) dia berkaitan, sama ada secara profesional atau secara peribadi dengan pengadu, pengamal atau mana-mana orang yang hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau
- (e) dia mempunyai apa-apa penyiasatan terhadapnya yang belum selesai.

(2) Anggota Jawatankuasa Tatatertib tidak dibenarkan untuk hadir atau mengambil bahagian dalam siasatan seterusnya jika anggota itu tidak hadir dalam siasatan terdahulu.

Siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib

61. (1) Apabila menerima arahan daripada Yang Dipertua untuk menyiasat suatu aduan atau maklumat, Jawatankuasa Tatatertib boleh meminta daripada pengadu, pemberi maklumat atau mana-mana orang lain untuk mengemukakan dalam tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib dokumen yang berikut:

- (a) dokumen berkaitan yang berhubungan dengan aduan atau maklumat itu; atau
- (b) suatu akuan berkanun, dokumen atau keterangan untuk menyokong aduan atau maklumat itu.

(2) Bagi maksud siasatan, jika dokumen yang diminta di bawah subperaturan (1)—

- (a) tidak diterima dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan menurut subperaturan (1), Jawatankuasa Tatatertib boleh memutuskan untuk tidak mengambil tindakan lanjut; atau
- (b) diterima dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan menurut subperaturan (1), Jawatankuasa Tatatertib hendaklah

memaklumkan dan mengemukakan suatu salinan aduan atau maklumat itu termasuk apa-apa dokumen yang diterima oleh Jawatankuasa Tatatertib kepada juruterapi pergigian itu.

(3) Jawatankuasa Tatatertib boleh meminta juruterapi pergigian itu untuk mengemukakan penjelasan, kad rawatan dan rekod lain yang berkaitan dengan aduan atau maklumat yang diterima dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan di bawah perenggan (2)(b).

(4) Jika dokumen yang dikemukakan di bawah subperaturan (3) tidak mencukupi, Jawatankuasa Tatatertib boleh meminta juruterapi pergigian itu untuk mengemukakan penjelasan, dokumen atau rekod lanjut dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan permintaan itu.

Prosiding siasatan

62. (1) Jawatankuasa Tatatertib boleh melalui perintah bertulis, menghendaki kehadiran pengadu, juruterapi pergigian dan mana-mana orang, dengan atau tanpa peguam bela dan peguam cara, di hadapan Jawatankuasa Tatatertib itu pada tarikh dan masa serta di tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Semasa suatu siasatan, Jawatankuasa Tatatertib boleh memeriksa pengadu atau mana-mana orang yang menyokong dakwaan itu, yang juga boleh diperiksa balas oleh juruterapi pergigian itu atau peguam bela dan peguam caranya dan, jika perlu, diperiksa semula oleh Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah merekodkan pernyataan yang dibuat oleh pengadu itu dan mana-mana orang lain yang diperiksa.

Dapatan siasatan

63. (1) Pada akhir siasatan itu, jika Jawatankuasa Tatatertib—

(a) mendapati bahawa maklumat tidak mencukupi atau tiada alasan untuk menyokong pengataan itu, Jawatankuasa Tatatertib

hendaklah mengesyorkan Lembaga supaya tidak mengambil tindakan lanjut; atau

(b) mendapati bahawa maklumat itu mencukupi atau terdapat alasan untuk menyokong pengataan itu, atau maklumat yang diterima semasa siasatan berkaitan dengan mana-mana salah laku profesional lain, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah merangka suatu pertuduhan terhadap juruterapi pergigian itu.

(2) Bagi maksud perenggan 1(b), Jawatankuasa Tatatertib hendaklah—

(a) mengemukakan pertuduhan itu kepada juruterapi pergigian sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum tarikh pendengaran berikutnya di hadapan Jawatankuasa Tatatertib; dan

(b) memaklumkan juruterapi pergigian itu bahawa dia boleh membuat pembelaan terhadap pertuduhan terhadapnya.

(3) Juruterapi pergigian itu boleh, sebelum tarikh pendengaran itu, memaklumi Jawatankuasa Tatatertib secara bertulis bahawa juruterapi pergigian itu tidak berhasrat untuk membuat pembelaan.

(4) Apabila menerima maklumat bertulis di bawah subperaturan (3), Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat syor kepada Lembaga untuk mengadakan suatu siasatan.

(5) Jika juruterapi pergigian itu berhasrat untuk membuat suatu pembelaan, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat syor kepada Lembaga bahawa—

(a) suatu siasatan hendaklah diadakan oleh Lembaga jika terdapat alasan untuk menyokong pertuduhan itu; atau

(b) tiada tindakan lanjut perlu diambil jika tiada alasan untuk menyokong pertuduhan itu.

(6) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mengemukakan suatu laporan siasatan permulaan dan syornya kepada Lembaga dalam tempoh enam puluh hari selepas selesai siasatan itu.

Siasatan tatatertib oleh Lembaga

64. (1) Lembaga boleh, atas syor Jawatankuasa Tatatertib, mengadakan suatu siasatan tatatertib terhadap juruterapi pergigian itu atau memutuskan untuk tidak mengambil tindakan lanjut.

(2) Kuorum Lembaga ialah tujuh orang.

(3) Lembaga boleh, selepas mempertimbangkan rekod siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib, merangka suatu pertuduhan terhadap juruterapi pergigian itu.

(4) Lembaga hendaklah menyampaikan suatu perintah yang mengandungi tarikh, masa dan tempat siasatan itu dan suatu salinan pertuduhan itu kepada juruterapi pergigian itu.

(5) Lembaga hendaklah memanggil dan merekod apa-apa pernyataan yang diberikan oleh juruterapi pergigian itu.

(6) Lembaga boleh memanggil mana-mana orang lain yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk membantu dalam siasatan itu.

Keputusan siasatan

65. (1) Pada akhir siasatan, jika Lembaga mendapati bahawa tiada kes terhadap juruterapi pergigian itu, Lembaga hendaklah menggugurkan pertuduhan itu.

(2) Lembaga hendaklah memaklumkan keputusan, hukuman dan alasan keputusan kepada juruterapi pergigian itu.

Perintah kos oleh Lembaga

66. (1) Bagi maksud subseksyen 58(3) Akta, Lembaga boleh membuat suatu perintah bagi pembayaran kos jika—

(a) pengadu menarik balik aduan selepas permulaan siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib; atau

(b) pengadu atau juruterapi pergigian itu melengahkan prosiding.

(2) Kos yang disebut dalam subperaturan (1) termasuklah—

(a) apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana pengamal undang-undang yang dilantik oleh Lembaga bagi prosiding Jawatankuasa Tatatertib;

(b) apa-apa perbelanjaan yang munasabah bagi mana-mana saksi, dalam keadaan yang pendengaran itu ditangguhkan; dan

(c) apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang mungkin ditanggung semasa perjalanan prosiding Jawatankuasa Tatatertib.

Larangan daripada menghadiri siasatan Lembaga

67. (1) Anggota Lembaga dilarang daripada menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan jika—

(a) dia seorang pengadu atau pemberi maklumat;

(b) dia secara peribadi mengetahui apa-apa fakta yang berkaitan;

(c) dia telah hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga bagi maksud membuat apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan perkara yang sedang disiasat;

- (d) dia berkaitan, sama ada secara profesional atau secara peribadi, dengan pengadu, pengamal atau mana-mana orang yang hadir di hadapan Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga bagi maksud membuat apa-apa pernyataan; atau
- (e) dia mempunyai apa-apa penyiasatan terhadapnya yang belum selesai.

(2) Anggota Lembaga tidak dibenarkan untuk menghadiri atau mengambil bahagian dalam siasatan seterusnya jika anggota itu tidak hadir dalam siasatan terdahulu.

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

Tempoh khidmat wajib

68. (1) Jumlah tempoh terus-menerus perkhidmatan wajib seseorang doktor pergigian di bawah subseksyen 79(1) Akta hendaklah tidak kurang daripada dua belas bulan.

(2) Jika Ketua Pengarah berpuas hati dengan perkhidmatan doktor pergigian itu semasa tempoh khidmat wajib, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu surat tamat khidmat wajib kepada doktor pergigian itu.

Pembatalan

69. Peraturan-Peraturan Pergigian 1976 [*P.U. (A) 14/1977*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1

[Subperaturan 4(2)]

PENAMAAN CALON UNTUK ANGGOTA MAJLIS

(penjelasan seksyen)

Pencalonan akan dibuka daripada (masa) pada (tarikh) dan akan ditutup pada (masa) pada (tarikh) Mana-mana pencalonan yang diterima selepas tarikh tutup dan masa tidak boleh diterima oleh Yang Dipertua Majlis.

Nama calon (dalam huruf besar)	Nama (dalam huruf besar) dan tandatangan pencadang	Nama (dalam huruf besar) dan tandatangan penyokong	Tandatangan calon dengan bersetuju

NOTA:

1. Nama calon, pencadang dan penyokong hendaklah sama seperti yang terdapat dalam Daftar Pergigian.
2. Sila lampirkan gambar muka terkini calon.
3. Sila lampirkan penerangan ringkas (tidak lebih daripada 100 perkataan) pengalaman dan sumbangan calon kepada profesion.

BORANG 2

[Peraturan 6 dan subperaturan 7(1)]

NOTIS PENAMAAN UNTUK ANGGOTA MAJLIS

(penjelasan seksyen)

1. Akan jatuh kosong jawatan dalam Majlis Pergigian Malaysia di bawah perenggan 6(1)(...) Akta apabila keahlian anggota yang berikut tamat pada ...(tarikh)...
2. Nama calon, pencadang dan penyokongnya yang telah diterima oleh Yang Dipertua sebelum atau pada ...(masa)... pada ...(tarikh)... adalah seperti yang berikut:

No.	Nama dan Nombor pendaftaran MPM	Nama dan Nombor pendaftaran pencadang MPM	Nama dan Nombor pendaftaran penyokong MPM
1.			
2.			

3. Penerangan ringkas pengalaman dan sumbangan calon kepada profesion dan gambar calon adalah seperti di bawah.
4. Apa-apa bantahan yang berhubungan dengan mana-mana pengamal yang disebut di atas (peraturan 7) hendaklah sampai kepada Yang Dipertua, Majlis Pergigian Malaysia di(alamat Majlis)..... sebelum ...(masa)... pada ...(tarikh)...

(Nama Yang Dipertua)

Yang Dipertua, Majlis Pergigian Malaysia

Tarikh:

BORANG 3

[Perenggan 10(a) dan subperaturan 12(1)]

KERTAS UNDI

(penjelasan seksyen)

1. Bilangan kekosongan
2. Tempoh pengundian hendaklah akan ditutup pada ...(masa)... pada ...(tarikh)... dan apa-apa sampul B yang tidak diterima oleh Yang Dipertua, Majlis Pergigian Malaysia sebelum atau pada tarikh dan masa itu tidak akan dibuka.

No.	Nama, kelayakan akademik, nombor pendaftaran dan tahun pendaftaran calon	Tandakan 'X' dengan dakwat dalam kotak yang bersebelahan dengan calon pilihan anda

BORANG 4
[Perenggan 10(b)]

SAMPUL A

A

A

Tandatangan pengamal yang mengundi :

Nama pengamal yang mengundi :
(dalam huruf besar)

Tandatangan saksi* :

Nama saksi (dalam huruf besar) :

* Saksi hendaklah seorang pengamal pergigian yang lain, pengamal perubatan, Jaksa Pendamai, pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam perkhidmatan awam atau peguam bela dan peguam cara.

A

A

BORANG 5
[Perenggan 10(c)]

SAMPUL B

B		B
	URUSAN KERAJAAN	
	YANG DIPERTUA	
	MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA	
	(Alamat Majlis)	
B		B

BORANG 6
[Subperaturan 22(1)]

DAFTAR PERGIGIAN – BAHAGIAN I

No.	Nama	Nombor kad pengenalan Malaysia	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran Majlis	Maklumat lain

BORANG 7
[Subperaturan 22(2)]

DAFTAR PERGIGIAN – BAHAGIAN II

No.	Nama	Nombor kad pengenalan Malaysia	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran majlis	Maklumat lain

BORANG 8
[Subperaturan 22(3)]

DAFTAR PERGIGIAN – BAHAGIAN PAKAR

No.	Nama	Nombor kad pengenalan Malaysia	Nombor pendaftaran Majlis	Kelayakan pergigian pakar lepas ijazah	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran pakar	Maklumat lain

BORANG 9
[Subperaturan 23(1)]

DAFTAR JURUTERAPI PERGIGIAN – BAHAGIAN A

No.	Nama	Nombor kad pengenalan Malaysia	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran Lembaga	Maklumat lain

BORANG 10
[Subperaturan 23(2)]

DAFTAR JURUTERAPI PERGIGIAN – BAHAGIAN B

No.	Nama	Nombor kad pengenalan Malaysia	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran Lembaga	Maklumat lain

BORANG 11
[Peraturan 24]

DAFTAR BERSYARAT

No.	Nama	Nombor pasport	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran bersyarat	Maklumat lain

BORANG 12
[Peraturan 25]

DAFTAR PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA PERGIGIAN

No.	Nama	Nombor pasport	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian dan institusi yang memberikan kelayakan	Kelayakan pergigian pakar lepas ijazah dan institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran sementara	Maklumat lain

BORANG 13
[Peraturan 26]

DAFTAR PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA JURUTERAPI PERGIGIAN

No.	Nama	Nombor pasport	Jantina	Alamat tempat tinggal	Kelayakan pergigian	Institusi yang memberikan kelayakan	Nombor pendaftaran sementara	Maklumat lain

BORANG 14
[Peraturan 32]

PERAKUAN LULUS PEPERIKSAAN KELAYAKAN PROFESIONAL

Adalah dengan ini diperakui bahawa
sebagai pemegang kelayakan telah lulus
dengan memuaskan Bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional yang
diadakan dari hingga
..... di
selaras dengan peruntukan peraturan 32 Peraturan-Peraturan Pergigian 2021.

.....

Pendaftar

Majlis Pergigian Malaysia

Tarikh:

BORANG 15
[Peraturan 35]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI DOKTOR PERGIGIAN

1. Nama pemohon:
2. Nombor kad pengenalan:
3. Tarikh lahir: 4. Jantina: lelaki perempuan
5. Alamat tempat tinggal:
.....
6. Alamat pos (sekiranya berbeza dari atas):
.....
.....
7. No. tel.: 8. No. tel. bimbit:
9. E-mel:
10. Butiran kelayakan:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:.....
 - (d) Tarikh kelayakan:
11. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 31 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:

- (a) satu salinan diakui sah kad pengenalan;
- (b) satu salinan diakui sah kelayakan asas pergigian;
- (c) perakuan telah lulus semua bahagian dalam Peperiksaan Kelayakan Profesional;
- (d) borang pengisytiharan peribadi;
- (e) dua keping gambar pasport;
- (f) bukti pembayaran fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- (g) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan yang berkaitan, jika pemohon memperoleh ijazah pergigian atau lulus semua bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional lebih daripada dua tahun sebelum permohonan.

(dokumen asal semua salinan diakui sah hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran)

PENGISYTIHARAN

Saya, (nama penuh)
pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan ialah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.


Saya tidak pernah pada bila-bila masa—

- (a) didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda; atau
- (b) dipotong daripada daftar pengamal pergigian yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, atau daripada senarai mana-mana kolej pergigian atau badan pelesenan.


Tandatangan pemohon:

Nama pemohon: Tarikh:.....

BORANG 16
[Peraturan 36]



PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI DOKTOR PERGIGIAN



Nombor Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
.....(alamat tempat tinggal).....
yang memegang kelulusan
telah pada hari ini didaftarkan sebagai pengamal pergigian di bawah
seksyen 31 Akta Pergigian 2018 tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut,
sekiranya ada.

Tandatangan Pendaftar Pergigian:.....

Nama Pendaftar Pergigian:

Tarikh:

BORANG 17
[Peraturan 37]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI JURUTERAPI PERGIGIAN

1. Nama pemohon:
2. Nombor kad pengenalan:
3. Tarikh lahir: 4. Jantina: lelaki perempuan
5. Alamat tempat tinggal:
.....
6. Alamat pos (sekiranya berbeza):
.....
.....
7. No. tel.: 8. No. tel. bimbit:
9. E-mel:
10. Butir-butir kelayakan:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:
 - (d) Tarikh kelayakan:
11. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 31 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:

- (a) satu salinan diakui sah kad pengenalan;
- (b) satu salinan diakui sah kelayakan asas pergigian;
- (c) borang pengisytiharan peribadi;
- (d) dua keping gambar pasport;
- (e) bukti pembayaran fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- (f) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan yang berkaitan, jika pemohon memperoleh ijazah pergigian lebih daripada dua tahun sebelum permohonan.

(dokumen asal semua salinan diakui sah hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran)

PENGISYTIHARAN

Saya,(nama penuh)..... pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.


Saya tidak pernah pada bila-bila masa—

- (a) didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda; atau
- (b) dipotong daripada daftar pengamal yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, atau daripada senarai mana-mana kolej pergigian atau badan pelesenan.

Tandatangan pemohon:

Nama pemohon: Tarikh:

BORANG 18
[Peraturan 38]



PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUTERAPI PERGIGIAN

(gambar)

Nombor Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
yang beralamat di (alamat tempat tinggal).....
yang memegang kelulusan
telah pada hari ini didaftarkan sebagai juruterapi pergigian di bawah subseksyen 31(5)
Akta Pergigian 2018 tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut, sekiranya ada.

Tandatangan Pendaftar Juruterapi Pergigian:

Nama Pendaftar Juruterapi Pergigian:

Tarikh:

BORANG 19
[Peraturan 39]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI PAKAR PERGIGIAN

1. Nama pemohon:
2. Nombor kad pengenalan:
3. Nombor pendaftaran Majlis:
4. Alamat amalan utama:
.....
5. No. tel.: 6. No. tel. bimbit:
7. E-mel:
8. Pendaftaran sebagai pakar pergigian dalam bidang
9. Butir-butir kelayakan pakar:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:
 - (d) Tarikh kelayakan:

(sila gunakan lembaran berasingan bagi apa-apa kelayakan tambahan)
10. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 34 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:
 - (a) satu salinan diakui sah kelayakan pakar lepas ijazah;

- (b) borang pengisytiharan peribadi;
- (c) dua keping gambar pasport;
- (d) bukti pembayaran fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- (e) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan yang berkaitan, jika pemohon itu memperoleh kelayakan pakar lepas ijazah lebih daripada dua tahun sebelum permohonan itu.

(dokumen asal semua salinan diakui sah hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran)

PENGISYTIHARAN

Saya,(nama penuh).....
pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.


Saya tidak pernah pada bila-bila masa—

- (a) didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda; atau
- (b) dipotong daripada daftar pengamal pergigian yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, atau daripada senarai mana-mana kolej pergigian atau badan pelesenan.


Tandatangan pemohon:

Nama pemohon: Tarikh:.....

BORANG 20
[Peraturan 40]



PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI PAKAR PERGIGIAN



Nombor Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama pakar).....
daripada(alamat pengamalan utama).....
dengan nombor pendaftaran MPM: yang memegang kelayakan—

- (i)
- (ii)
- (iii)
- (iv)
- (v)

telah pada hari ini didaftarkan sebagai pakar pergigian di bawah seksyen 34
Akta Pergigian 2018 dalam bidang

Tandatangan Pendaftar Pergigian:

Nama Pendaftar Pergigian:

Tarikh:

BORANG 21
[Peraturan 41]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEBAGAI JURUTERAPI PERGIGIAN PASCAASAS

1. Nama pemohon:
2. Nombor kad pengenalan:
3. Nombor pendaftaran Lembaga:
4. Alamat amalan utama:
.....
5. No. tel.: 6. No. tel. bimbit:
7. E-mel:
8. Pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas dalam bidang
9. Butir-butir kelayakan:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:
 - (d) Tarikh kelayakan:
10. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 35 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:
 - (a) satu salinan diakui sah kelayakan juruterapi pergigian pascaasas;
 - (b) borang pengisytiharan peribadi;

- (c) dua keping gambar pasport;
- (d) bukti pembayaran fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- (e) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan yang berkaitan, jika pemohon itu memperoleh kelayakan juruterapi pergigian pascaasas lebih daripada dua tahun sebelum permohonan itu.

(dokumen asal semua salinan diakui sah hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran)

PENGISYTIHARAN

Saya,(nama penuh).....
pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.


Saya tidak pernah pada bila-bila masa—

- (a) didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda; atau
- (b) dipotong daripada daftar pengamal yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, atau daripada senarai mana-mana kolej pergigian atau badan pelesenan.


Tandatangan pemohon:

Nama pemohon: Tarikh:

BORANG 22
[Peraturan 42]



PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI JURUTERAPI PERGIGIAN
PASCAASAS



Nombor Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
..... (alamat amalan utama).....
yang memegang kelayakan—

- (i)
- (ii)
- (iii)
- (iv)
- (v)

telah pada hari ini didaftarkan sebagai juruterapi pergigian pascaasas di bawah seksyen 35 Akta Pergigian 2018 dalam bidang

Tandatangan Pendaftar Juruterapi Pergigian:

Nama Pendaftar Juruterapi Pergigian:

Tarikh:

BORANG 23
[Peraturan 43]

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN BERSYARAT

1. Nama pemohon:
2. Nombor pasport:
3. Tarikh lahir: 4. Jantina: lelaki perempuan
5. Alamat tempatan:
.....
6. Alamat tetap:
.....
7. No. tel.: 8. No. tel. bimbit:
9. E-mel:
10. Butir-butir kelayakan:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:
 - (d) Tarikh kelayakan:
11. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 36 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:
 - (a) satu salinan diakui sah pasport;

- (b) satu salinan diakui sah kelayakan asas pergigian;
- (c) perakuan telah lulus semua bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional;
- (d) borang pengisytiharan peribadi;
- (e) dua keping gambar pasport;
- (f) bukti pembayaran fi pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta; dan
- (g) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan yang berkaitan, jika pemohon itu lulus semua bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional lebih daripada dua tahun sebelum permohonan.

(dokumen asal semua salinan diakui sah hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran)

PENGISYTIHARAN

Saya,(nama penuh)..... pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan adalah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.


Saya tidak pernah pada bila-bila masa—

- (a) didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda; atau
- (b) dipotong daripada daftar pengamal pergigian yang diselenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia, atau daripada senarai mana-mana kolej pergigian atau badan pelesenan.


Tandatangan pemohon:

Nama pemohon: Tarikh:

BORANG 24
[Peraturan 44]



PERAKUAN PENDAFTARAN BERSYARAT



Nombor Pendaftaran

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
.....(alamat tempatan).....
yang memegang kelayakan
telah pada hari ini diberi pendaftaran bersyarat di bawah seksyen 36
Akta Pergigian 2018.

Tandatangan Pendaftar Pergigian:

Nama Pendaftar Pergigian:

Tarikh:

BORANG 25
[Subperaturan 45(1)]

PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN SEBAGAI
PENGAMAL PERGIGIAN

(Tahun:)

1. Nama (seperti dalam Daftar Pergigian):
2. Nombor kad pengenalan/pasport:
3. Alamat tempat tinggal:
4. Nombor pendaftaran sebagai pengamal pergigian:
5. Nombor pendaftaran sebagai pakar pergigian:
6. E-mel: 7. No. telefon:
8. *Mata PPB: Tahun: Mata:
9. Perlindungan Tanggung Rugi Profesional:
 - (i) Pembekal:
 - (ii) Keahlian/No. polisi:
 - (iii) Tempoh perlindungan:hingga.....

(sila lampirkan dokumen yang berkaitan)
10. Alamat amalan utama:
.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998)(jika berkaitan):

.....

11. Alamat amalan lain

.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998)(jika berkaitan):

.....

(sila gunakan lembaran berasingan bagi setiap alamat tambahan)

12. Butir-butir pembayaran –bank draf/kiriman wang/dalam talian:

(a) No. rujukan: (b) Jumlah: RM.....

(c) Bank/pejabat pos & tarikh:

.....

Tarikh:

Tandatangan pemohon

(*PPB – Pembangunan Profesional Berterusan)

NOTA:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan kepada:

PENDAFTAR PERGIGIAN

MAJLIS PERGIGIAN MALAYSIA

*

.....

.....

(*Isikan alamat)

2. Borang permohonan yang dilengkapkan ini hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 1 November pada tahun sebelum tahun bagi permohonan itu dibuat.
3. Fi setiap alamat amalan tahunan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.
4. Jika borang permohonan yang dilengkapkan dikemukakan selepas 1 November pada tahun sebelum tahun yang permohonan dibuat, caj bagi permohonan lewat sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta dikenakan.

(untuk dilengkapkan bagi pengamal pergigian dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia, perkhidmatan Kerajaan Negeri dan mana-mana institusi pengajian tinggi)

Saya,(nama penuh).....
dengan ini mengesahkan bahawa pemohon yang tersebut di atas ialah
pegawai pergigian di(nama
perkhidmatan)..... di
(tempat perkhidmatan).....

.....
Tandatangan Ketua Jabatan

Tarikh:

Meterai:

BORANG 26
[Subperaturan 45(2)]

PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN SEBAGAI
JURUTERAPI PERGIGIAN

(Tahun:)

1. Nama (seperti dalam Daftar Juruterapi Pergigian):
2. Nombor kad pengenalan:
3. Alamat tempat tinggal:
4. Nombor pendaftaran sebagai juruterapi pergigian:
5. Nombor pendaftaran sebagai juruterapi pergigian pascaasas:
6. E-mel: 7. No. telefon:
8. *Mata PPB: Tahun: Mata:
9. Perlindungan Tanggung Rugi Profesional:
 - (i) Pembekal :.....
 - (ii) Keahlian/No. polisi:
 - (iii) Tempoh perlindungan:hingga.....

(sila lampirkan dokumen yang berkaitan)
10. Alamat amalan utama:
.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998)(jika berkaitan):

.....

11. Alamat amalan lain:

.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998)(jika berkaitan):

.....

(sila gunakan lembaran berasingan bagi setiap alamat tambahan)

12. Butiran pembayaran: bank draf/kiriman wang/dalam talian:

(a) No. rujukan: (b) Jumlah: RM.....

(c) Bank/pejabat pos & tarikh:

.....

Tarikh:

Tandatangan pemohon

(*PPB – Pembangunan Profesional Berterusan)

NOTA:

1. Permohonan ini hendaklah dialamatkan kepada:

PENDAFTAR JURUTERAPI PERGIGIAN

LEMBAGA JURUTERAPI PERGIGIAN MALAYSIA

*

.....

.....

(*Isikan alamat)

2. Borang permohonan yang dilengkapkan ini hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 1 November pada tahun sebelum tahun bagi permohonan itu dibuat.
3. Fi setiap alamat amalan tahunan adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.
4. Jika borang permohonan yang dilengkapkan dikemukakan selepas 1 November pada tahun sebelum tahun yang permohonan dibuat, caj bagi permohonan lewat sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta dikenakan.

(untuk dilengkapkan bagi juruterapi pergigian dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia, perkhidmatan Kerajaan Negeri dan mana-mana institusi pengajian tinggi)

Saya, (nama penuh).....
dengan ini mengesahkan bahawa pemohon yang tersebut di atas ialah juruterapi
pergigian di(nama perkhidmatan).....
di(tempat perkhidmatan).....

.....

Tarikh:

Tandatangan Ketua Jabatan

Meterai:

BORANG 27
[Subperaturan 46(1)]

No. PPT:.....

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN PENGAMAL PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
didaftarkan dengan Majlis Pergigian Malaysia dengan nombor pendaftaran
adalah dengan ini diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang
pengamal pergigian bermula daripada(tarikh)..... dan berakhir
pada(tarikh)..... di:

(1)
.....
iaitu alamat amalan utama dan di

(2)
.....

(3)
.....
iaitu alamat amalan lain.

.....
Pendaftar Pergigian
Tarikh:

BORANG 28

[Subperaturan 46(1)]

No. PPT:

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN PAKAR PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
didaftarkan dengan Majlis Pergigian Malaysia sebagai pakar pergigian dengan nombor
pendaftaran adalah dengan ini diberi kuasa untuk menjalankan amalan
sebagai seorang pakar pergigian dalam bidang
bermula daripada(tarikh)..... dan berakhir pada(tarikh)..... di:

(1)
.....
iaitu alamat amalan utama dan di

(2)
.....

(3)
.....
iaitu alamat amalan lain.

.....
Pendaftar Pergigian
Tarikh:

BORANG 29
[Subperaturan 46(2)]

No. PPT:

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN JURUTERAPI PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
didaftarkan dengan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia dengan nombor pendaftaran
..... adalah dengan ini diberi kuasa untuk menjalankan amalan sebagai seorang
juruterapi pergigian bermula daripada (tarikh) dan berakhir pada
(tarikh)..... di:

(1)
.....
iaitu alamat amalan utama dan di

(2)
.....
iaitu alamat amalan lain.

.....
Pendaftar Juruterapi Pergigian
Tarikh:

BORANG 30
[Subperaturan 46(2)]

No. PPT:

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN JURUTERAPI PERGIGIAN PASCAASAS

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
didaftarkan dengan Lembaga Juruterapi Pergigian sebagai juruterapi pergigian pascaasas
dengan nombor pendaftaran..... adalah dengan ini diberi kuasa untuk
menjalankan amalan sebagai seorang juruterapi pergigian pascaasas di dalam bidang
..... bermula daripada(tarikh)..... dan berakhir
pada(tarikh) di:

(1)
.....
iaitu alamat amalan utama dan di

(2)
.....
iaitu alamat amalan lain.

.....
Pendaftar Juruterapi Pergigian
Tarikh:

BORANG 31
[Peraturan 47]

LAPORAN PEMERIKSAAN PREMIS

Nama dentis:

Nombor perakuan pendaftaran: Nombor telefon bimbit:

Keadaan fizikal/mental dentis:

Nama premis:

Alamat premis:

.....

Nombor telefon premis:

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998)(jika berkenaan):

.....

1. Am

- | | | | | | |
|-----|--|----|--------------------------|-------|--------------------------|
| (a) | Adakah dentis Bahagian II hadir di premis? | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak | <input type="checkbox"/> |
| (b) | Adakah dentis mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan yang sah? | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak | <input type="checkbox"/> |
| (c) | Adakah Perakuan Pendaftaran klinik dipaparkan? | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak | <input type="checkbox"/> |
| (d) | Adakah dentis itu seorang sahaja yang menjalankan amalan di premis itu? | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak | <input type="checkbox"/> |
| (e) | Jika tidak, adakah dentis lain itu berdaftar dan adakah dia mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan? | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak | <input type="checkbox"/> |

- (f) Adakah juruteknologi pergigian diambil kerja di premis itu? Ya Tidak
- (g) Jika ya, adakah kerjanya terhad kepada kerja makmal sahaja? Ya Tidak
- (h) Adakah terdapat apa-apa tanda melindungi? Ya Tidak
- (i) Adakah nama klinik sama dengan nama pada Perakuan Pendaftaran? Ya Tidak

2. Premis

- (a) Adakah premis bersih? Ya Tidak
- (b) Adakah kerusi pergigian terlindung daripada pandangan umum? Ya Tidak
- (c) Adakah pergigian sahaja pekerjaan yang dijalankan di premis itu? Ya Tidak
- (d) Jika tidak, apakah kerja lain yang dijalankan?
.....

3. Kelengkapan

- (a) Adakah dentis menggunakan autoklaf? Ya Tidak
- (b) Adakah alat disimpan dalam kabinet apabila tidak digunakan? Ya Tidak
- (c) Adakah dentis menggunakan picagari suntik? Ya Tidak
- (d) Jika ya, apakah jenis picagari itu?
.....
- (e) Adakah botol-botol ubat dilabelkan? Ya Tidak

4. Penemuan

- (a) Adakah keadaan premis itu memuaskan? Ya Tidak
- (b) Adakah keadaan kelengkapan itu memuaskan? Ya Tidak

5. Syor

- (a) Perakuan Pengamalan Tahunan harus diberikan
- (b) Majlis harus menahan Perakuan Pengamalan Tahunan sehingga dentis membersihkan premis
- (c) Majlis harus menahan Perakuan Pengamalan Tahunan sehingga dentis memperbaiki premis
- (d) Majlis harus menahan Perakuan Pengamalan Tahunan sehingga dentis pindah ke premis yang lebih sesuai
- (e) Majlis harus membatalkan Perakuan Pengamalan Tahunan

Tandatangan pegawai diberi kuasa: Tarikh:

Nama pegawai diberi kuasa:

Gelaran pegawai diberi kuasa:

Daerah: Negeri:

BORANG 32
[Subperaturan 48(1)]

PERMOHONAN UNTUK PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA

1. Nama pemohon:
2. Nombor pasport:
3. Tarikh tamat pasport:
4. Kewarganeraan:
5. Tarikh lahir:
6. Alamat tetap:
.....
7. Alamat tempatan:
.....
8. E-mel: 9. No. telefon:
10. Butir-butir kelayakan:
 - (a) Keterangan (penuh):
 - (b) Nama institusi:
 - (c) Negara yang kelayakan diberikan:
 - (d) Tarikh kelayakan:
11. Butir-butir kelayakan lepas ijazah (Jika ada):
 - (a) Keterangan (penuh):

(b) Nama institusi:

(c) Negara yang kelayakan diberikan:

(d) Tarikh kelayakan:

(sila gunakan lembaran berasingan bagi setiap kelayakan tambahan)

12. Jawatan Profesional di negara asal:

13. Perlindungan Tanggung Rugi Profesional:

(i) Pembekal:.....

(ii) Keahlian/No. polisi:

(iii) Tempoh perlindungan: hingga

(sila lampirkan dokumen yang berkaitan)

14. Tempoh PPS: dari hingga

15. Alamat amalan utama:

.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998):(jika berkaitan)

.....

16. Alamat amalan lain:

.....
.....

Nombor pendaftaran kemudahan jagaan kesihatan (di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998):(jika berkaitan)

.....

(sila gunakan lembaran berasingan bagi setiap alamat tambahan)

17. Butir-butir pembayaran: bank draf/kiriman wang/dalam talian:

(a) No. rujukan: (b) Jumlah: RM.....

(c) Bank/pejabat pos & tarikh:

18. Saya dengan ini melampirkan dokumen-dokumen yang berikut sebagai bukti telah memenuhi kehendak pendaftaran di bawah seksyen 40 Akta Pergigian 2018 untuk menyokong permohonan ini:

- (a) satu salinan diakui sah kelayakan asas pergigian;
- (b) satu salinan diakui sah sijil pendaftaran dari negara asal;
- (c) satu salinan diakui sah passport;
- (d) satu salinan diakui sah kontrak, perjanjian atau surat lantikan daripada majikan atau penaja;
- (e) borang pengisytiharan peribadi;
- (f) tiga keping gambar passport;
- (g) Surat Pertarafan yang Baik daripada badan pengawalseliaan pergigian di negara asal;
- (h) *satu salinan diakui sah kelayakan lepas ijazah;
- (i) *satu salinan diakui sah lain-lain kelayakan yang berkaitan;
- (j) *bukti pengalaman sebagai pakar pergigian;
- (k) *bukti pengalaman dalam jawatan akademik;
- (l) *surat kebenaran daripada universiti atau fasiliti kesihatan yang akan melindungi apa-apa dan semua kecemasan;
- (m) *bukti Pembangunan Profesional Berterusan;
- (n) bukti pembayaran fi perakuan pengamalan sementara sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat Akta.

(*jika perlu)

.....

Tandatangan pemohon

Tarikh:

PENGISYTIHARAN

Saya,(nama penuh).....
pemohon yang disebut di atas, dengan ini mengisytiharkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan dokumen yang dilampirkan ialah salinan dokumen asal yang berkaitan dengan saya.

Saya tidak pernah pada bila-bila masa didapati bersalah atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda.

.....
Tandatangan pemohon

Tarikh:

untuk diisi oleh majikan atau penganjur

19. Permohonan untuk

Saya mengaku bahawa nama di atas adalah calon pekerja/peserta/pelajar dan butir-butir yang diberikan adalah benar berdasarkan pengetahuan saya.

Tandatangan Dekan/Pengarah/Penaja:

Tarikh:

Nama Dekan/Pengarah/Penaja:

Meterai:

BORANG 33
[Subperaturan 49(1)]

No. PPS:

PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA SEBAGAI DOKTOR PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
dengan kelayakan(kelayakan).....
dibenarkan oleh Majlis Pergigian Malaysia untuk menjalankan amalan pergigian dari
.....(tarikh)..... hingga(tarikh)..... di,
yang merupakan alamat amalan utama tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

.....

Pendaftar Pergigian

Tarikh:.....

BORANG 34
[Subperaturan 49(1)]

No. PPS:

PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA SEBAGAI PAKAR PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
dengan kelayakan(kelayakan)..... dan
.....(kelayakan)..... dibenarkan oleh
Majlis Pergigian Malaysia untuk menjalankan amalan pergigian sebagai seorang pakar
dalam bidang
dari(tarikh)..... hingga(tarikh)..... di,
yang merupakan alamat amalan utama tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

.....

Pendaftar Pergigian

Tarikh:

BORANG 35
[Subperaturan 49(2)]

No. PPS:

PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA SEBAGAI JURUTERAPI PERGIGIAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa(nama penuh).....
dengan kelayakan(kelayakan).....
dibenarkan oleh Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia untuk menjalankan amalan
pergigian sebagai juruterapi pergigian dalam bidang
..... dari(tarikh)..... hingga(tarikh).....
di tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

.....
Pendaftar Juruterapi Pergigian
Tarikh:.....

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 27(2) dan 31(3)]

FI

(1) Butir-butir	(2) RM
Perubahan kelayakan dalam Daftar Pergigian atau Daftar Juruterapi Pergigian di bawah subperaturan 27(2)	50.00
Setiap cubaan bagi setiap bahagian Peperiksaan Kelayakan Profesional di bawah subperaturan 31(3)	tidak melebihi 10,000.00

Dibuat 26 November 2021

[KKM.PUU/PU2/DR/5(40); PN(PU2)93/Jld. 9]

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Yang Dipertua
Majlis Pergigian Malaysia

Diluluskan 3 Disember 2021

[KKM.PUU/PU2/DR/5(40); PN(PU2)93/Jld. 9]

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR
Menteri Kesihatan

DENTAL ACT 2018

DENTAL REGULATIONS 2021

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II

MALAYSIAN DENTAL COUNCIL

2. Returning officer
3. Notice and request for nomination
4. Nomination paper
5. Rejection of nomination paper
6. Publication of name of candidate
7. Objection
8. Rejection of objection
9. Uncontested election
10. Issuance of ballot paper, envelope A and envelope B
11. Request for new ballot paper and envelope
12. Method of voting
13. Examination of envelope
14. Opening of envelope
15. Counting of vote
16. Determination of result
17. Grounds for rejection of ballot paper
18. Publication of result of election

Regulation

19. Investigation of complaint
20. Retention of envelope and ballot paper
21. Invalidity of election

PART III

REGISTER AND PROFESSIONAL QUALIFYING EXAMINATION

22. Dental Register
23. Dental Therapists Register
24. Conditional Register
25. Dental Temporary Practising Certificate Register
26. Dental Therapists Temporary Practising Certificate Register
27. Alteration in Register
28. Qualification of member of the Dental Qualifying Committee
29. Membership of the Dental Qualifying Committee
30. Application to sit for Professional Qualifying Examination
31. Professional Qualifying Examination
32. Certificate of Passing of Professional Qualifying Examination

PART IV

DENTAL SPECIALISTS' EVALUATION COMMITTEE

33. Establishment of the Dental Specialists' Evaluation Committee
34. Functions of the Dental Specialists' Evaluation Committee

PART V

REGISTRATION OF DENTAL SURGEON, DENTAL THERAPIST,
DENTAL SPECIALIST AND POST-BASIC DENTAL THERAPIST

35. Application for registration as dental surgeon
36. Certificate of registration of dental surgeon
37. Application for registration as dental therapist
38. Certificate of registration of dental therapist

Regulation

39. Application for registration as dental specialist
40. Certificate of registration of dental specialist
41. Application for registration as post-basic dental therapist
